Journal of Business and Social Development *ISSN: 2289-2915*
Volume 5 Number 1, March 2017: 79-87 *© Penerbit UMT*

KETUM SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN SAMPINGAN UNTUK MENAMPUNG KOS SARA HIDUP: KAJIAN KE ATAS PETANI PADI DAN PENOREH GETAH DI NEGERI KEDAH

(SIDE INCOME SOURCE OF KRATOM: STUDY ON RICE FARMER AND RUBBER TAPPERS IN KEDAH)

MOHAMAD SUKOR ABDUL KARIM* DAN FUZIAH SHAFFIE

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Dasar, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

**Corresponding author: nabihanaslam@yahoo.com*

Abstrak: Perubahan iklim ekonomi yang tidak menentu telah menjejaskan banyak pihak terutamanya masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman. Ekoran daripada itu, ada individu yang memilih untuk menjual daun Ketum sebagai sumber pendapatan sampingan dan tambahan mereka. Keadaan ini makin mendesak apabila harga getah yang semakin menurun kepada paras yang sangat rendah serta perubahan cuaca yang tidak menentu juga telah menjejaskan pendapatan hasil petani padi. Artikel ini cuba mendedahkan wujudnya golongan yang terdesak dengan kehidupan sehingga terpaksa memilih untuk menjual sumber daripada daun Ketum sebagai hasil pendapatan sampingan. Seramai sepuluh orang responden dipilih secara sampel bertujuan dan snowballing. Hasil daripada temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa mereka terpaksa berbuat demikian kerana faktor ekonomi semasa yang semakin membebankan hidup mereka. Implikasi daripada perlaksanaan undang-undang terhadap Ketum akan mengakibatkan impak sosial dalam kalangan pemegang taruh yang terlibat.

Kata kunci: Kemiskinan, pendapatan, Ketum, impak sosial.

Abstract: *Uncertain changes in economic climate has affected many people, including people in rural areas. As a result, there are individuals who opt to sell kratom leaves as an extra source of income. The situation is getting worse when the rubber prices keep decreasing. The unpredictable weather changes have also affected the rice farmers income. This article attempts to disclose the existence of those who are desperate in life and had decided to sell the source of kratom leaves as an extra income. A total of ten respondents were randomly selected for the study. The results of interviews shows that they had to do so because of the economical factor. The law enforcement on kratom leaves would create social impact implication to the stake holders.*

Keywords: Poverty, income, kratom, social impact.

Pengenalan

Kelembapan ekonomi di Malaysia mengakibatkan mata wang ringgit telah jatuh dengan mendadak sehingga memberi kesan kepada harga komoditi utama negara seperti getah dan padi. Bank Negara Malaysia dalam laporannya yang bertajuk Prospek Dan Dasar 2015, mendedahkan bahawa landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa lebih mencabar pada tahun 2015. Akibatnya harga komoditi negara jatuh mendadak dan negara berdepan dengan pasaran kewangan yang tidak menentu pada tahun 2015 (BNM, 2014). Berdasarkan laporan tersebut menunjukkan bahawa ramai golongan petani dan pekebun kecil menerima kesan yang teruk akibat daripada kejatuhan mendadak harga komoditi tersebut. Kebanyakan mereka yang tinggal di negeri Kedah adalah terdiri daripada penoreh getah dan petani padi. Akibat daripada tekanan ekonomi tersebut, terdapat dalam kalangan petani padi dan pekebun kecil getah yang memilih untuk menjual daun Ketum sebagai pendapatan sampingan mereka.

Latar Belakang

Kawasan Muda merupakan salah satu kawasan jelapang padi utama di Malaysia di mana kawasan ini merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran beras negara. Selain daripada tanaman padi, negeri ini turut mempunyai kawasan tanaman getah yang cukup luas meliputi seluruh negeri termasuklah Pulau Langkawi.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, RISDA, secara umumnya menunjukkan bahawa Kedah merupakan antara kawasan pertanian yang luas selain Pahang, Johor, Kelantan dan lain-lain. Kawasan pertanian utama di Negeri Kedah adalah padi dan getah. Di Negeri Kedah kedua-dua sektor komoditi tersebut diurus tadbir oleh agensi-agensi kerajaan antaranya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Jadual 1.1 menunjukkan statistik berkaitan Pesawah dan Pekebun Kecil di Negeri Kedah.

Berdasarkan Jadual 1.1, menunjukkan statistik bagi kedua-dua sektor komoditi utama di Kedah ialah Padi dan Getah. Pada tahun 2013 jumlah pesawah yang direkodkan ialah seramai 31,800 orang, manakala jumlah pekebun kecil getah pula ialah seramai 36,165 orang. Daripadah jumlah tersebut, kebanyakan daripada mereka memperoleh pendapatan yang rendah. Misalnya, pendapatan pesawah bergantung kepada hasil tuaian mengikut dua musim setahun tetapi ianya tertakluk kepada keadaan cuaca semasa. Disamping itu, penoreh getah turut menerima nasib yang sama apabila pendapatan mereka bergantung kepada harga pasaran semasa getah dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Ringkasnya, tanaman padi dan getah ini turut terjejas akibat faktor cuaca dan harga pasaran yang tidak menentu.

Kemiskinan

Kemiskinan ditakrifkan dalam dua bentuk iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan yang kurang daripada keperluan kehidupan yang paling asas. Kemiskinan relatif pula merujuk kepada sumber pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi gaya hidup dan cara penggunaannya boleh dinikmati oleh orang lain dalam masyarakat. Oleh itu, kemiskinan adalah satu konsep yang terdiri daripada pelbagai dimensi termasuk kekurangan bahan, pengecualian daripada rangkaian sosial dan berasingan daripada kehidupan masyarakat (SCARC, 2004).

Jadual 1.1: Statistik Pesawah Dan Pekebun Kecil di Negeri Kedah

Komoditi	Padi					Getah				
Tahun	2013					2009		2013		
Bilangan	31,800					47,604		36,165		
Tahun	2011	2012	2013	2014	2015					
Keluasan (he)	215,930	213,378	210,327	215,511	214,743					
Tahun/Kelas Pendapatan Getah (RM) (Tahun 2002)	2011	2012	2013	2014	2015	<256	257-510	511-1,200	1,201-2,000	2,000>
Hasil (kg/he)/ Bilangan Pekebun Kecil Getah	4,068	4,013	4,228	4,172	4,253	5,401	8,423	5,114	743	556

Sumber: Diubahsuai daripada dapatan sumber Jabatan Pertanian Malaysia 2015 dan RISDA 2002

Selain itu, Japan Intenational Cooperation Agency (JICA) telah membuat satu laporan ringkas mengenai profil kemiskinan di Malaysia. Menurut laporan, terdapat tiga jenis profil kemiskinan yang terdapat di Malaysia. Pertama, Golongan miskin tertumpu dalam kalangan kaum Bumiputera. Kedua, kadar kemiskinan adalah lebih tinggi di negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Ketiga, Golongan miskin tertumpu di kawasan luar Bandar dalam kalangan negeri-negeri yang lemah (JICA, 2001). Sementara itu, penduduk negeri Kedah secara puratanya mempunyai pendapatan isi rumah yang sangat rendah iaitu, RM 2,969.00 berbanding negeri Selangor (RM 4,895) dan Pulau Pinang (RM 4,397) (Rika Terano & Zainalabidin Mohamed, 2011).

Secara umumnya kadar kemiskinan di Malaysia telah berjaya dikurangkan dengan banyaknya iaitu daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009. Merujuk Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2010-2015), kadar kemiskinan diunjurkan berkurangan sehingga 2.0% dan purata pendapatan bagi 40% golongan isi rumah terendah meningkat daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300 pada tahun 2015. Kita dapati pengurangan kemiskinan itu begitu signifikan sekali, namun sekiranya dilihat kemiskinan mengikut strata, bandar-luar bandar, didapati kemiskinan di luar bandar adalah lebih tinggi daripada kemiskinan di bandar. Pada tahun 2007 misalnya, kadar kemiskinan di luar bandar adalah 7.1% manakala di bandar hanya 2.0%. Faktor ini mungkin disebabkan kebanyakan isi rumah yang miskin adalah di luar bandar dan kebanyakan mereka ini melibatkan diri dalam aktiviti pertanian dan menjadikan pendapatan daripada hasil pertanian itu sebagai pendapatan utamanya.

Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Malaysia, Paras Garis Kemiskinan bagi tahun 2012 adalah selaras dengan Rancangan Ekonomi Kesepuluh (RMK-10). Paras Garis Kemiskinan (PGK) makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin adalah RM 850 seisi rumah. Manakala isi rumah miskin tegar adalah RM 520 seisi rumah (KPWKM, 2015). Masalah kemiskinan sangat berkait rapat dengan status sosio ekonomi. Sosio ekonomi ditakrifkan sebagai kedudukan individu dalam masyarakat dengan menggunakan kriteria seperti pendapatan, tahap pendidikan, pekerjaan dan nilai harta yang dimiliki dan sebagainya. Sosio ekonomi boleh mempengaruhi faktor risiko dan kesihatan seperti tekanan, penggunaan dadah dan sebagainya (Graham, 2004).

Selain itu, kemiskinan boleh mengakibatkan risiko kepada perkara-perkara yang tidak sihat seperti mengguna dan menjual dadah. Daniels (2011) menegaskan kebanyakan hasil kajian yang dilakukan mengenai belia mengguna dan menjual dadah telah dikenal pasti akibat daripada kesan peningkatan taraf ekonomi, kos sara hidup dan kemiskinan. Oleh itu, tindakan mereka tersebut adalah untuk meneruskan kelangsungan kehidupan kesan daripada tekanan ekonomi semasa.

Selain itu, terdapat ramai penulis dan pengkaji yang menulis mengenai isu kemiskinan dan pembasmian kemiskinan di negeri Kedah (Fazhana Arifin & Nor Asmat Ismail, 2005; Shamzaeffa Samsudin & Roslina Kamaruddin,

Jadual 1.2: Takrifan isi rumah berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar berdasarkan pendapatan bulanan

Kategori	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
Miskin Tegar	RM440 sebulan dan ke bawah	RM540 sebulan dan ke bawah	RM520 sebulan dan ke bawah
Miskin	RM750 sebulan dan ke bawah	RM960 sebulan dan ke bawah	RM830 sebulan dan ke bawah
Isi rumah berpendapatan rendah	RM2000 sebulan dan ke bawah	RM2000 sebulan dan ke bawah	RM2000 sebulan dan ke bawah

Sumber: Jabatan Perdana Menteri (2011).

2013; Siti Hadijah Che Mat, Nor' Aznin Abu Bakar & Ahmad Zafarullah Abdul Jalil, 2011 dan 2012; Siti Hadijah Che Mat, Roslan Hakim & Siti Norliza Jumali, 2012; Nur Zaidah Che Mohd Nor, Siti Hadijah Che Mat & Fauzi Hussin, 2015; Siti Hadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim, 2011). Rumusan daripada hasil perbincangan mereka menunjukkan negeri Kedah masih lagi berada dalam kelompok negeri yang miskin (Kama Firdaus Subhahi, 2015). Jadual 1.3 menunjukkan jumlah pendapatan kasar (meliputi pelbagai sektor) dan kemiskinan di negeri Kedah antara tahun 1970 hingga 2014. Berdasarkan jadual tersebut, pendapatan kasar penduduk di negeri Kedah dilihat semakin meningkat pada setiap tahun. Begitu juga dengan kadar insiden kemiskinan atau peratusan kemiskinan turut mencatatkan penurunan yang ketara antara tahun 2012 hingga 2014.

Jelas sekali, akibat daripada peningkatan kos sara hidup dan desakan ekonomi yang tidak menentu boleh mengakibatkan kepada penglibatan individu terhadap sesuatu barang terlarang seperti dadah, Ketum dan sebagainya. Isu Ketum di negeri Kedah bukanlah suatu isu yang baru kerana ianya telah menjadi pendapatan tambahan buat sesetengah individu. Terdapat tiga persoalan yang dibincangkan di dalam artikel ini antaranya, Apakah faktor yang menyebabkan mereka menjual Ketum; Mengapa mereka bertindak demikian; dan Bagaimana Ketum boleh dijadikan sebagai pendapatan sampingan.

Metodologi

Artikel ini dibentuk hasil daripada kajian reaksi dan tindakan pemegang taruh Ketum terhadap Akta Dadah Berbahaya 1952. Pendekatan kaedah kualitatif telah digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut. Di samping itu, dua kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu, temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan kumpulan perbincangan focus (*focus group discussion*). Kedua-dua kaedah ini telah dijalankan dan dikendalikan secara berasingan. Kaedah menganalisis data adalah menggunakan kaedah tematik. Jadual 1.4 dan 1.5 menunjukkan latar belakang responden temu bual mendalam dan peserta kumpulan perbincangan fokus. Kedua-dua kumpulan responden tersebut dikategorikan sebagai Pemegang taruh Ketum.

Perbincangan kumpulan fokus pula telah dijalankan di satu tempat yang dirahsiakan. Peserta kumpulan tersebut meminta agar maklumat lokasi dan latar belakang kaum mereka dirahsiakan agar tidak ketahui oleh mana-mana pihak terutamanya pihak kerajaan. Sementara itu, hasil kajian mendapati bahawa purata pendapatan mereka adalah sekitar RM 500.00 hingga RM 2,800.00 sebulan.

Jadual 1.3: Jumlah Pendapatan Kasar Dan Kemiskinan Negeri Kedah Tahun 1970-2014

Pendapatan Kasar Penduduk						
Tahun	1970	1984	1992	2002	2012	2014
Jumlah pendapatan (RM)	189	690	1,048	1,966	3,425	4,478
Insiden Kemiskinan						
Tahun	1970	1984	1992	2002	2012	2014
Jumlah Kemiskinan (%)	63.2	36.6	21.1	9.7	1.7	0.3

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Malaysia

Jadual 1.4: Latar belakang responden temu bual mendalam

*R	Jantina	Umur	Kaum	Tempat Tinggal (Negeri Kedah)	Pekerjaan	Pendapatan Sebulan (RM)
R1	Lelaki	60 an	Melayu	Yan	Kerja sendiri sebagai Tukang Rumah	RM 1,000.00
R2	Lelaki	60 an	Melayu	Kerpan	Pesawah dan Berkebun	RM 1000.00
R3	Lelaki	40 an	Melayu	Ayir Hitam	Pesawah	RM 500.00
R4	Lelaki	50 an	Melayu	Bayu, Baling	Pekebun dan Ketua Kampung	RM 1,500.00
R5	Lelaki	50 an	Melayu	Tobiar, Pendang	Pesawah dan Bekerja sendiri	RM 800.00
R6	Lelaki	50 an	Melayu	Naka	Pekebun	RM 600.00
R7	Lelaki	30 an	Melayu	Changlun	Pengamal Perubatan Tradisional	RM 500.00
R8	Lelaki	40 an	Melayu	Changlun	Penganggur	RM -
R9	Perempuan	40 an	Siam	Naka	Peniaga	RM 1,500.00
R10	Lelaki	50 an	Siam	Naka	Peniaga	RM 2,300.00

Jadual 1.5: Latar belakang peserta kumpulan perbincangan fokus

*R	Jantina	Umur	Kaum	Tempat Tinggal (Negeri Kedah)	Pekerjaan	Pendapatan Sebulan (RM)
R1	Lelaki	40 an	Lain-lain	Padang Terap	Peniaga	RM 2,800.00
R2	Lelaki	40 an	Lain-lain	Padang Terap	Peniaga	RM 2,000.00
R3	Lelaki	30 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 1,000.00
R4	Lelaki	30 an	Lain-lain	Padang Terap		RM 800.00
R5	Lelaki	30an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 1,000.00
R6	Lelaki	20 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 1,200.00
R7	Lelaki	20 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 700.00
R8	Lelaki	20 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 700.00
R9	Perempuan	20 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 700.00
R10	Lelaki	20 an	Lain-lain	Padang Terap	Pekebun	RM 700.00

Hasil Kajian

Hasil daripada kedua-dua kaedah pengumpulan telah dianalisis mengunakan kaedah tematik iaitu data-data dibahagikan mengikut tema-tema yang terbina daripada hasil dapatan data tersebut. Semua tema menjawab kepada persoalan dan objektif kajian tersebut.

Dapatan Kajian Data Temu bual Mendalam

Berdasarkan hasil temu bual mendalam, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada pesawah dan pekebun kecil getah. Secara puratanya, pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil padi dan getah. Anggaran pendapatan pesawah padi sekitar RM 1000 ke RM 4000 semusim (enam bulan). Namun begitu, pendapatan petani bergantung kepada hasil pengeluaran padi.

Manakala, hasil padi pula bergantung kepada faktor cuaca dan harga pasaran padi. Masalah yang selalu dihadapi oleh petani padi adalah hasil tuaian padi terjejas akibat perubahan cuaca dan iklim yang melampau serta serangan penyakit dan serangga.

Selain itu, hasil pendapatan penoreh getah pula bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca dan keadaan pokok getah yang kurang kualiti serta harga pasaran yang sangat rendah dan tidak menentu. Pendapatan kasar penoreh getah adalah sekitar RM350 sehingga RM1000. Namun begitu, ianya pula bergantung kepada status pemilikan kebun getah sama ada secara pajakan, sewa, kekal, upah dan sebagainya.

Keadaan pendapatan yang tidak menentu ini menyebabkan majoriti atau kebanyakan dalam kalangan mereka memilih untuk menjual Ketum sebagai pendapatan sampingan dan tambahan mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan pendapatan yang sedia ada tidak mampu menampung keperluan harian mereka dan seisi keluarga. Walaupun mereka tahu dan sedar bahawa menjual Ketum adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun 1952, namun mereka tetap memberanikan diri demi kelangsungan hidup mereka. Aktiviti ini terpaksa diteruskan oleh golongan tersebut kerana Ketum dapat menjana pendapatan buat mereka.

Sementara itu, Ketum telah diwartakan di dalam Akta Racun 1952 pada tahun 2003. Namun begitu, pihak kerajaan melihat akta tersebut tidak cukup untuk membendung penyalahgunaan Ketum, oleh sebab itu, pihak kerajaan telah mencadangkan agar Ketum diwartakan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Parlimen, 2015).

Faktor kos sara hidup kian meningkat tahun demi tahun ekoran harga pasaran getah dan padi yang kian merosot. Misalnya pada awal tahun 2016, harga Getah dilihat jatuh ke paras yang begitu rendah iaitu RM1.50 sekilogram. Keadaan ini telah menambahkan lagi keperitan dalam hidup mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup demi masa depan keluarga mereka. Peluang pekerjaan yang terhad juga menyebabkan mereka tiada pilihan lain untuk menjana pendapatan yang mencukupi. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menjual Ketum untuk menampung keperluan harian mereka tanpa mengharap sepenuhnya kepada hasil padi dan getah.

Dapatan Kajian Kaedah Kumpulan Perbincangan Fokus

Selain itu, hasil daripada pengumpulan data kumpulan (perbincangan kumpulan fokus) menunjukkan bahawa semua majoriti peserta terlibat dalam aktiviti penjualan dan pengedaran Ketum. Bagi masyarakat kaum lain-lain ini, Ketum adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Ketum digunakan secara turun-temurun dan dipercayai boleh menjauhi daripada penyakit dan sebagainya.

Ketum bukan sahaja digunakan untuk tujuan perubatan (tradisional) tetapi juga digunakan untuk menampung kos sara hidup harian mereka. Kebanyakan daripada masyarakat kaum lain-lain ini memiliki pokok Ketum untuk tujuan kegunaan sendiri dan untuk dijual. Pendapatan daripada hasil Ketum dapat menampung keperluan harian mereka yang rata-ratanya terdiri daripada penoreh getah.

Secara puratanya, pendapatan bagi penoreh getah bagi kaum lain-lain ini adalah sekitar RM500 hingga RM1500 sebulan. Pendapatan ini bergantung kepada faktor cuaca dan sebagainya. Jika pada musim hujan, pendapatan mereka berkurang dengan mendadak disebabkan kualiti masa dan hasil yang diperolehi. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menjual Ketum untuk menampung kos dan keperluan harian mereka. Cara mereka menjual Ketum adalah dengan menjual daun Ketum kepada peraih yang datang dari pelbagai tempat termasuk dari negara jiran iaitu Thailand. Majoriti dalam kalangan mereka sedar bahawa menjual dan mengedar Ketum adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun 1952. Di samping itu, mereka juga tahu bahawa pihak kerajaan sedang mencadangkan untuk mewartakan Ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Walau bagaimanapun, mereka langsung tidak menghiraukan cadangan dan perlaksanaan undang-undang tersebut.

Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Akibat daripada desakan hidup, boleh membuatkan sesiapa sahaja sanggup melakukan apa jua demi kelangsungan hidup mereka. Walaupun Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah memutuskan bahawa penyalahgunaan Ketum adalah haram, namun ramai dalam kalangan mereka tidak menghiraukan fatwa tersebut kerana bagi mereka, Ketum adalah ubat dan boleh mengubati pelbagai jenis penyakit termasuklah penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis.

Selain mengubati penyakit, Ketum juga dikatakan boleh memberi tenaga (*energy booster*) secara semulajadi untuk tujuan melakukan kerja-kerja yang berat. Di samping itu, mereka juga berpendapat bahawa Ketum boleh memulihkan tenaga badan termasuklah tenaga batin. Asas kepercayaan inilah yang menyebabkan mereka menolak sekeras-kerasnya tindakan kerajaan menguatkuaskan undang-undang terhadap Ketum.

Sementara itu, faktor mereka memilih untuk menjual Ketum kerana terdapat permintaan yang tinggi dan laris di pasaran tempatan. Pulangan daripada hasil jualan Ketum boleh dijadikan sebagai pendapatan sampingan untuk menampung keperluan harian. Terdapat dua jenis kaedah penjualan Ketum iaitu sama ada menjual daun Ketum atau air daripada rebusan daun Ketum. Kedua-dua kaedah penjualan tersebut mendapat permintaan yang sangat tinggi daripada pengguna Ketum. Harga semasa daun Ketum bergantung kepada permintaan dan kuantiti yang diminta bagi daun tersebut. Kebiasaannya harga daun Ketum adalah sekitar RM15.00 hingga RM30.00 sekilogram bergantung kepada kualiti tumbesaran pokok dan jenis daun Ketum tersebut. Bagi harga pasaran air rebusan daun Ketum pula adalah sekitar RM3.00 (sebungkus) atau RM5.00 (tiga bungkus). Oleh itu, hasil daripada pendapatan jualan daun dan air rebusan Ketum, secara purata pendapat mereka adalah sekitar RM 50.00 hingga RM 100.00 sekali setiap jualan. Bagi mereka, hasil pendapatan tersebut cukup untuk menampung keperluan hidup mereka untuk tempoh tertentu.

Implikasi daripada tindakan kerajaan hendak mewartakan Ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 akan mengakibatkan pemegang taruh yang bergantung hidup dengan Ketum akan hilang sumber pendapatan sampingan mereka dan bakal mendatangkan impak sosial yang teruk.

Rajah 1.1: Model Konseptual Impak Sosial Terhadap Perlaksanaan Undang-undang Terhadap Ketum



Berdasarkan Rajah 1.1 menunjukkan berlakunya impak sosial terhadap pemegang taruh Ketum kesan daripada perlaksanaan undang-undang pengharaman Ketum. Kesan tersebut menyumbang kepada kadar kemiskinan yang bertambah akibat daripada pendapatan sampingan terjejas. Keadaan ini menambah lagi penderitaan hidup petani yang bergantung hidup kepada pendapatan sampingan Ketum. Antara risiko impak sosial ialah, taraf kehidupan yang menurun, peluang pekerjaan yang terhad, krisis sosial dalam masyarakat dan sebagainya.

Oleh itu, berdasarkan model tersebut, pihak kerajaan perlu mengambil kira semua aspek sebelum mewartakan Ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 152. Jika tiada penelitian yang menyeluruh, pasti mengakibatkan sumber rezeki rakyat terjejas dan memberi impak kepada kemiskinan. Selain itu, pihak kerajaan perlu menimbang semula cadangan undang-undang tersebut agar semua pihak dapat hidup dengan lebih sejahtera di samping melestarikan diversiti kita. Pihak kerajaan perlu mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan harga pasaran getah dan padi agar harga komoditi tersebut dapat diselaraskan dan mencapai tahap yang boleh membantu para petani keluar daripada kepompong kemiskinan dan kemiskinan tegar.

Kesimpulan

Ketum bukanlah satu isu atau perkara yang serius sehingga perlu dikenakan undang-undang. Ketum pada asalnya tumbuhan herba yang digunakan oleh masyarakat terdahulu untuk merawat pelbagai penyakit termasuk cirit-birit, kencing manis dan sebagainya. Tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas Ketum akan menjejaskan pendapatan bagi sesetengah pihak yang bergantung hidup terhadap Ketum. Tindakan undang-undang perlu dikenakan kepada mereka yang betul-betul menyalahgunakan Ketum sahaja. Manakala mereka yang mengamalkan untuk tujuan perubatan tradisional perlulah dikekalkan kerana Ketum merupakan tumbuhan herba yang sangat banyak kebaikan dan faedahnya.

Rujukan

Ahmad Zubir Ibrahim & Chamhuri Siwar. (2012). Perubahan Iklim dan Intervensi Kerajaan: Impak ke atas Pengeluaran Padi di Kawasan Muda, Kedah. *Prosiding Perkem VII*, Jilid 1: 277-290.

Bancian Berasaskan Pekebun Kecil RISDA. (2002). www.risda.gov.my.

Bancian Pekebun Kecil RISDA. (2013). www.risda.gov.my.

Bank Negara Malaysia (BNM). (2015). *Prospek dan Dasar Pada Tahun 2015*. www.bnm.gov.my.

Berita Koperasi. (10 Oktober 2014). Sumber Bernama online. *Parlimen: Lambakan Getah Dunia Punca Kejatuhan Harga Komoditi*. www.skra.gov.my/

Booklet Statistik Tanaman (Sub- Sektor Tanaman Makanan). (2015). *Jabatan Pertanian Malaysia*. http://www.pertanian.kedah.gov.my/image/pdf/Booklat_Statistik_Tanaman_Sub-Sektor_Tanaman_Makanan_2015

Daniels, T. R. (2011). What Influences Some Black Male to Sell Drug during Their Adolescense?. *McNair Scholar Journal*, 13: 21-39.

Farhana Arifin, & Nor Asmat Ismail. (2015). Peranan Pertubuhan Peladang Kawasan Membasmi Kemiskinan Petani: Kajian Kes di Selama, Kedah Darul Aman. *Journal of Environment, Society, and Space*, 3(2): 40-45.

Graham, H. (2004). Social Determinants and Their Unequal Distribution: Clarifying Policy Understandings. *Milbank Quarterly*, 82(1): 101-124.

Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Laporan Tahunan 2010: Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Pertanian Semenanjung. (2011). *Perangkaan Padi Malaysia 2010*. Putrajaya: Jabatan Pertanian Semenanjung.

JICA. (2001). *Poverty Profile Executive Summary Malaysia. Japan Bank for International Cooperation*. Japan International Cooporation Agency (JICA). www.jica.go.jp

Kama Firdaus Subhahi. (2015). *Jurang Perbezaan antara Wilayah*. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). www.mier.org.my

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi

Nur Zaidah Che Mohd Nor, Siti Hadijah Che Mat, & Fauzi Hussin. (2015). Kesejahteraan Isi Rumah Miskin di Kedah: Aplikasi Kesejahteraan Negara Kasar (GNH). *Journal of Human Capital Development*, 8(1).

Pembentangan Pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Dewan Rakyat Ketiga belas. Rabu, 1 April 2015.

R. B. Radin Firdaus. (2014). Penghidupan Petani Padi dalam Mendepani cabaran Perubahan Iklim: Peranan Intervensi Kerajaan Menerusi Skim Subsidi Harga Padi. *Kajian Malaysia*, 32(2): 73-92.

Rika Terano, & Zainalabidin Mohamed. (2011). Household Income Structure among Paddy Farmers in the Granary Areas of Malaysia. *International Conference of Innovation Management and Service*, IPEDR. Vol. 14. Singapore. www.ipedr.com

Senate Community Affairs References Committee (SCARC). (2004). *A Hand Up Not Hand Out: Renewing the Fight again Poverty*. Canberra: Commonwealth of Australia.

Shamzaeffa Samsudin, & Roslina Kamaruddin. (2013). Distribution of the Liverhood Assests among the Hardcore Poor: Evidence from Kedah, Malaysia. *Proceeding Book of ICEFMC. Handbook on the Economic, Finance and Management Outlooks*. www.academia.edu

Siti Hadijah Che Mat, & Roslan Abdul Hakim. (2010). Kesan Pendapatan Bukan Pertanian ke atas Kemiskinan: Kajian Kes Petani di Kedah. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 44: 101-107.

Siti Hadijah Che Mat, Nor' Aznin Abu Bakar, & Ahmad Zafarullah Abdul Jalil. (2012). Pendapatan Bukan Pertanian dan Sumbangannya dalam Memendekkan Tempoh Masa Keluar daripada kepompong kemiskinan. *Kajian Malaysia*, 30(20): 121-141.

Siti Hadijah Che Mat. (2011). Peranan Pendapatan Bukan Pertanian dalam Mengurangkan Kemiskinan di Luar Bandar. *Prosiding Perkem* VI, Jilid 1: 437-449.

Siti Hadijah Che Mat, & Roslam Abdul Hakim. (2011). Jangkamasa Semasa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan dan Ketermiskinan: Kajian Kes di Kedah Darul Aman. *International of Management Studies*, 18(2): 217-236. www.ijms.uum.edu.my

Siti Hadijah Che Mat, Nor' Aznin Abu Bakar, & Ahmad Zafarullah Abdul Jalili. (2011). The Impact of Non-farm Income on the Incidence of Poverty among Farmer in Kedah, Malaysia. *International Journal of Trade, Economic and Finance*, 2(4).

Siti Hadijah Che Mat, Roslan Hakim, & Siti Norliza Jumali. (2012). Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan. *Prosiding Perkem VII*, Jilid 1: 181-194.

Unit Perancang Ekonomi Malaysia. www.epu.gov.my